

Impian jadi pilot semasa kecil cetus minat bina kepak pesawat bila dewasa



BUAT SENDIRI PESAWAT: Encik Muhammad Hariz teruja dengan pengalaman membina kepak pesawat berlepas dan mendarat pendek (STOL), setapak lebih dekat dengan impiannya menceburi kerjaya jurutera penyenggaraan pesawat. – Foto JOHARI RAHMAT

► **HARYANI ISMAIL**
haryani@sph.com.sg

IMPIAN kanak-kanak Encik Muhammad Hariz Roslan ialah menjadi juruterbang yang bebas 'membelah' angkasa biru dan terbang ke destinasi impian.

Hatinya kemudian kepingin membangun pesawat sendiri bahkan turut mengimpikan kerjaya sebagai jurutera pesawat.

Sebelum aspirasi itu tercapai, pelajar tahun akhir Diploma Penerbangan dan Teknologi Aeroangkasa daripada Politeknik Nanyang itu berpeluang membangun kepak pesawat

yang mampu berfungsi sepenuhnya.

Encik Muhammad Hariz, 23 tahun, ialah antara lapan pelajar yang ditugaskan membangun pesawat berlepas dan mendarat pendek (STOL) model CH750 secara bertahap-tahap bagi projek tahun akhir mereka, sejak lewat tahun lalu.

Politeknik Nanyang ialah institusi pengajian tinggi pertama di sini yang membuka peluang bagi pelajarannya membangun pesawat dengan kokpit kaca dan instrumentasi sendiri.

Satu lagi perkembangan menarik ialah pembentukan Pusat Realiti Maya Terendam Tiga Dimensi (3D) di kampus ini yang mendedahkan pela-

jar pada sekitaran simulasi lapangan terbang.

Sofwe dengan aplikasi seperti membuat persiapan bagi ketibaan pesawat, operasi pengisian semula minyak pesawat, pemeriksaan tekanan dan pemeriksaan kepak itu adalah yang pertama dicipta politeknik ini bagi memberi pelajar pembelajaran menyeluruh.

Ketika ditemui semalam, Encik Muhammad Hariz, anak kedua dalam tiga beradik, berkata:

"Kali pertama saya menaiki pesawat ialah ketika berusia tiga tahun dalam satu percutian ke Jakarta.

"Sejak itu, saya tertarik dengan

dunia penerbangan bahkan gigit membina model pesawat.

"Bidang ini memerlukan saya tangkas mengetahui tentang butiran terkini berkenaan teknologi penerbangan. Pesawat moden muncul di pasaran silih berganti.

"Bagaimanapun, peluang menyiapkan kepak pesawat sendiri merupakan satu proses rumit yang makan masa tujuh minggu. Ia memberi saya pengalaman baru di mana saya dapat membayangkan kehidupan selaku jurutera penyenggaraan pesawat berlesen."

Pensyarah Kanan di Pusat Kejuruteraan Digital dan Keperisian/Teknologi Aeroangkasa, Encik Lim Poh Gee, berkata:

"Peluang membangun pesawat sendiri ini akan memberi pelajar keyakinan diri dan gambaran keseluruhan tugas jurutera penyenggaraan pesawat.

"Kemahiran tangan yang diperlukan digarap dengan mereka bermula dari proses asas meliputi tugas dokumentasi, menyemak rangka tindakan serta mengkaji tentang pesawat STOL.

"Mereka belajar tentang tanggungjawab bersama kerana dipasangkan dengan pelajar lain yang tidak dikenali. Saya pastikan seorang mahir dalam kerja tangannya dan seorang lagi mampu menghadam konsep dan membuat penyampaian secara berkesan."